

06 JUL 2001

Abdullah-persaingan

PAK LAH: RAKYAT MESTI KUAT HADAPI CABARAN

SEREMBAN, 6 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kemungkinan rakyat Malaysia dikuasai dan ditekan sekali lagi bukanlah khayalan tetapi benar, jika mereka tidak kuat menghadapi persaingan.

"Ini bukan ancaman khayalan. Ia adalah benar. Dunia di sekeliling kita sedang meningkatkan kemahiran mereka. Globalisasi dan perkembangan pantas teknologi maklumat membuatkan persaingan lebih sengit," katanya semasa merasmikan ulang tahun ke-10 Kolej Tuanku Ja'afar di Mantin, dekat sini hari ini.

Beliau berkata: "Kita boleh lihat di negara jiran bagaimana pergolakan dan ketidakstabilan dan perancangan buruk telah membuatkan negara yang punyai sumber menjadi tempat pertarungan, yang mana jiran membunuh jiran dan kanak-kanak kelaparan dan tiada masa depan."

Oleh itu beliau meminta rakyat Malaysia supaya tidak berpuas hati dengan apa yang mereka ada...kerana proses pembelajaran tidak pernah berhenti.

"Jika kita telah melakukan yang baik, mari kita bekerja untuk yang lebih baik. Mari kita berusaha menjadi yang terbaik dan memastikan negara kita tidak akan dijajah sekali lagi," katanya.

Beliau berkata kita tidak seharusnya hilang pandangan terhadap sejarah negara kita, yang kita pernah ditakluk selama 450 tahun.

"Tetapi kita sedar dengan keperluan negara kita. Kita mahu keluar dari situ dan buat perubahan, membuatkan negara kita kuat dan bersatu supaya kita boleh bersaing dengan yang terbaik. Ia adalah kerana kita kekurangan banyak perkara dan kita berasa kita perlu berusaha untuk pembangunan.

"Kita adalah penduduk yang laparkan pembangunan, lapar untuk memperbaiki rakyat, lapar untuk kejayaan. Kita belajar kuat, sebahagian di bawah sinaran lampun minyak, kita bekerja keras, kita berhemat dan menyimpan. Rakyat Malaysia yang kita lihat hari ini adalah hasil 'kelaparan' yang kita ada sebelum ini," katanya.

Beliau berkata, Malaysia yang kita lihat hari ini adalah kerana hasil pandangan jauh bapa pejuang kita yang mahukan negara merdeka, agar merdeka dalam segala bentuk dan juga hasil daripada perancangan yang rapi dan pandangan jauh pemimpin kita seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah berkata ramai orang muda sekarang tidak mahu mendengar kita atau mengingati masa lepas kerana apa yang penting kepada mereka adalah apa yang hari ini boleh tawarkan kepada mereka.

"Disiplin kurang di sekolah dan universiti, kelaparan untuk mencapai kecemerlangan akademik berkurangan, siswa mengabaikan buku untuk sependuk, mereka meninggalkan sukan di padang tetapi berarak di jalan-jalan raya, mereka mahu membentuk masa depan bangsa mereka sedangkan masa depan mereka sendiri pun belum dibentuk lagi," katanya.

Beliau berkata untuk membawa negara ke hadapan, orang muda perlu melengkapkan diri mereka, dan pendidikan sangat penting.

Abdullah meminta semua rakyat Malaysia untuk mengambil kesempatan yang ditawarkan oleh dunia tanpa sempadan, universiti terbaik luar negara digalakkan untuk menubuhkan cawangan di Malaysia.

"Ini adalah hubungan dinamik antara kerajaan, sektor swasta dan rakan kongsi akademik strategik yang tidak dapat diragukan membantu kita mencapai matlamat. Dengan membina sistem bertaraf dunia yang fleksibel dan inovatif

kita berharap untuk mewujudkan pusat pendidikan kecemerlangan serantau di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, pembangunan institusi pendidikan tinggi swasta perlu mengambil kira keperluan untuk menjadikan pendidikan swasta diperolehi pelajar yang tidak mampu.

"Saya suka meminta syarikat swasta merumuskan skim biasiswa untuk universiti dan kolej tempatan, dan dengan itu menghubungkan pendidikan dengan pembangunan sumber manusia dan industri yang bersesuaian," katanya.

Beliau berkata Malaysia dalam proses merumuskan pelan induk ekonomi pendidikan, yang dijangka akan diumumkan tahun ini, dan cetak biru itu adalah untuk menggerakkan Malaysia ke dalam ekonomi baru dengan dengan penggunaan pengetahuan, hubungan, idea dan teknologi.

"Saya percaya kejayaan transformasi seumpama ini akan bergantung ke atas kebolehan kita untuk membangunkan dan memperkukuh faktor, yang penting kepada pengeluaran modal manusia, terutamanya dari segi pengetahuan.

"Kita sekarang menghadapi tugas mewujudkan negara dengan pekerja berkemahiran, inovatif dan kreatif yang akan menjadi pemangkin untuk menggerakkan ekonomi Malaysia kepada rangkaian sistem ditokok nilai melalui penggunaan prasarana fizikal yang ada.

Abdullah berkata 'jantung' rancangan itu adalah perlunya membangunkan modal manusia melalui sistem pendidikan kelas pertama, dan matlamat kerajaan untuk mengurangkan jumlah pekerja berpendidikan rendah bergantung kepada wujudnya kumpulan pekerja muda yang berpendidikan, yang akan membawa perubahan dari sektor pembuatan kepada teknologi maklumat, komunikasi dan industri teknologi tinggi.

Beliau berkata pembangunan kaupayaan domestik seumpama itu kian penting dalam pasaran globalisasi.

Graduan Malaysia perlu bersaing dengan yang terbaik di pasaran pekerjaan, dan menghasilkan graduan yang mampu berjaya dalam suasana seumpama itu adalah penting kepada negara, katanya.

-- BERNAMA

RP APG RI